


# Keilmuan Ungku Aziz

## memangkinikan penubuhan DBP

Berita HARIAN  
(18/07/2021)  
MIS 20



Penukaran nama dari Balai Pustaka kepada DBP menyerlahkan pemikiran Ungku Aziz

Oleh Siti Haliza Yusop

bhsastera@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tokoh ekonomi negara dan ilmuwan, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, membawa sumbangan yang besar dan penting kepada bahasa serta sastera ketika menjadi antara tulang belakang Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada 1956.

Melalui kongres yang diadakan di Johor Bahru dan Singapura itu, keriaan berseutu Balai Pustaka yang

laman Facebook DBP.

Ungku Aziz yang meninggal dunia pada 15 Disember tahun lalu adalah ahli akademik tersohor di peringkat antarabangsa. Beliau pernah menjadi konsultan kepada beberapa pertubuhan antarabangsa termasuk Pertubuhan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

**Ahli akademik tersohor**

Meskipun lebih dikenali sebagai ahli

▲ Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, membawa sumbangan yang besar dan penting kepada bahasa dan sastera.

yang jelas dan mendalam," katanya.

Awang juga menyentuh mengenai perjuangan Ungku Aziz yang turut menolak Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI).

Katanya, pendirian Ungku Aziz yang jelas serta tegas itu perlu ada pada semua pemimpin institusi ilmu di negara ini bagi menjayakan satu

Hashim Yaacob, yang juga seorang penyair berkata Ungku Aziz sangat memberikan perhatian kepada warisan bangsa Melayu termasuk pantun.

Menurut Hashim, Ungku Aziz menghimpun puluhan ribu rangkap pantun kerana menurut tokoh falsafah itu, warisan sastera klasik itu mengandungi bicara dan maknanya yang tersendiri.

Katanya, mende Ungku

kerajaan bersetuju Balai Pustaka akan berperanan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, ditukar namanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Seri Dr Awang Sariyan, berkata tanpa kongres itu, DBP mungkin akan mengambil masa lebih lama untuk ditubuhkan.

Beliau berkata, penerusan nama dari Balai Pustaka kepada DBP menyerlahkan pemikiran Ungku Aziz yang melihat kepentingan konsep pustaka sebagai tonggak ketamadunan bangsa dan negara.

Katanya, tanpa pustaka yang lengkap, sempurna dan progresif tidak mungkin sesuatu tamadun itu berkembang.

“Ungku Aziz dari golongan bangsawan tetapi berjiwa rakyat dan beliau akhirnya meyakinkan kerajaan wujudnya keperluan menubuhkan satu badan bahasa perurusan dan kepustakaan.

“Mungkin tanpa gerakan rakyat ini, kerajaan sendiri tidak terfikir akan penubuhan DBP dan ini menjadikan gagasan Ungku Aziz dan rakan-rakannya sebagai penggerak Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga di Singapura pada masa itu sebagai sangat penting,” katanya pada Siri Wacana Pak Ungku: Jejak-Jejak di Pantai Zaman yang disiarkan secara maya di



“**Pembabitan Ungku Aziz sebagai pakar ekonomi yang berminat dengan bahasa dan sastera adalah sesuatu yang luar biasa**”

**Dr Awang Sariyan**

Meskipun lebih dikenali sebagai ahli ekonomi serta memegang jawatan Naib Canselor di Universiti Malaya pada ketika itu, tetapi Ungku Aziz dilantik sebagai pengarah DBP yang pertama dari 1956 hingga 1957.

Pelantikan itu membolehkan beliau meletakkan asas yang kukuh kepada hala tuju DBP yang kemudian digerakkan Tun Syed Nasir Ismail sebagai pengarah selepasnya.

Menurut Awang yang mengenali Ungku Aziz sejak 1978 ketika menjadi pensyarah sambilan di UM, pembabitan Ungku Aziz sebagai pakar ekonomi yang berminat dengan bahasa dan sastera adalah sesuatu yang luar biasa.

Ketika soal sastera dan budaya dianggap tidak penting, Ungku Aziz pula menyedari keperluan menghimpunkan dan mengkaji manuskrip Melayu lama dan sekitar sekitar 1980-an, beliau membeli manuskrip *Aqa'id Al-Nasafi*.

Kitab akidah Islam yang berusia kira-kira 400 tahun karangan Abu Hafis Umar Najm al-Din al-Nasafi itu, adalah

naskah penting mengenai keagungan Melayu dan Ungku Aziz meminta Prof Syed Muhammad Naquib Al-Attas menganalisisnya.

“Kalau Ungku Aziz tidak mencari dan membeli manuskrip itu, kita mungkin tidak dapat memperoleh data-datuk sejarah penting mengenai pengislaman di alam Melayu.

“Ia bermula dengan epistemologi yang jelas memandangkan manuskrip itu membincangkan soal teori ilmu

ini bagi menjayakan satu daripada dasar negara yang penting, iaitu Dasar Bahasa Kebangsaan.

“Ungku Aziz menguasai bahasa Inggeris dengan cukup baik tetapi dalam dasar bahasa Melayu, beliau sangat tegas dan tidak mengangap pelaksanaan PPSMI sebagai keputusan yang bijak.

“Meskipun tidak berarak ke Istana Negara, tetapi Ungku Aziz turut terbabit dengan gerakan ini malah beliau meletakkan keutamaan terhadap bahasa kebangsaan dengan tidak mengenyepikan bahasa asing pada masa yang sama.

“Ungku Aziz perlu dijadikan teladan kerana melaksanakan dasar negara dengan membuktikan bahasa kebangsaan bukan batu penghalang kecemerlangan universiti,” katanya.

### **Tolak anugerah pejuang**

Awang berkata, beliau pernah merisik kesudian Ungku Aziz untuk diberi penganugerahan sebagai seorang tokoh pejuang bahasa berikutan sumbangan besarnya kepada bidang ini tetapi ditolak dengan rendah hati oleh pakar ekonomi itu.

“Meskipun ada rasa terkilan tetapi saya faham kerana bukan saja anugerah pejuang bahasa malah pemberian gelaran Datuk dan sebagainya biasa ditolak Ungku Aziz di mana soal integriti dan personalitinya yang hebat dan saya kira baginya Profesor Diraja itu yang lebih penting,” katanya.

Sementara itu, mantan Naib Canselor UM, Prof Emeritus Datuk Dr



“**Minda Ungku Aziz selalu mempromosi hal berfikir di luar kotak menyebabkan budaya pantun dan puisi pun turut ingin dikajinya**”

**Dr Hashim Yaacob**

Katany, minda Ungku Aziz selalu mempromosi hal berfikir di luar kotak menyebabkan budaya pantun dan puisi pun turut ingin dikajinya.

Ungku Aziz katanya, percaya sastera dan sains adalah 'essence of life' dan tidak boleh ditinggalkan salah satunya demi mencapai pembangunan dan kemajuan.

“Beliau percaya kebudayaan boleh menjadikan sesuatu bangsa itu lebih bertamadun dan dapat membangunkan masyarakat yang lebih seimbang.

“Saya sendiri seorang saintis dalam pergigian tetapi saya memperjuangkan hal yang sama kerana ia adalah satu perkara yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat hari ini,” katanya.

Menurut Hashim, hal keseimbangan antara sastera dan sains ini turut ditekankan termasuk di peringkat universiti.

“Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor perlulah dilantik dalam kalangan mereka daripada bidang kemanusiaan, sastera, budaya, agama dan bidang bukan sains yang lain bukan hanya kejuruteraan sahaja.

“Apakah manusia kalau hanya hidup dengan benda fizikal tanpa makanan jiwa sahaja dan inilah yang sentiasa diambill berat oleh Ungku Aziz,” katanya.

Hashim baru saja menyelesaikan penulisan buku *Ungku A Aziz - Di Sebalik Seorang Tokoh* sebagai penghargaan kepada tokoh terkenal ekonomi, pendidikan, bahasa, sastera serta falsafah itu.